



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 24

22hb November 2007

TAMBAHAN No. 135
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 386.

AKTA PELINDUNG 2006

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNG 2007

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA PENYIASAT

2. Pihak berkuasa penyiasat

BAHAGIAN III

PETISYEN

Peraturan

3. Petisyen oleh atau bagi pihak industri dalam negeri

BAHAGIAN IV

TATACARA PENYIASATAN

4. Skop penyiasatan
5. Had masa bagi penentuan pemulaan penyiasatan
6. Pemulaan penyiasatan
7. Notis bagi memulakan penyiasatan
8. Pengumpulan maklumat dan soal selidik
9. Penentuan awal
10. Penentuan awal negatif
11. Penentuan awal afirmatif
12. Penentuan muktamad
13. Penentuan muktamad negatif
14. Penentuan muktamad afirmatif

BAHAGIAN V

**PENENTUAN KEMUDARATAN YANG SERIUS ATAU ANCAMAN
KEMUDARATAN YANG SERIUS DAN HUBUNGAN BERSEBAB**

15. Penentuan kemudaran yang serius atau ancaman kemudaran yang serius
16. Penentuan ancaman kemudaran yang serius
17. Hubungan bersebab

BAHAGIAN VI

KAJIAN SEMULA

18. Kajian semula separuh penggal
19. Jangka masa kajian semula
20. Permintaan pelanjutan oleh atau bagi pihak industri dalam negeri

BAHAGIAN VII

PENDENGARAN AWAM

Peraturan

21. Pendengaran awam

BAHAGIAN VIII

AM

22. Pengemukaan maklumat bertulis
23. Penentusahan maklumat

AKTA PELINDUNG 2006

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNG 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 41 Akta Pelindung 2006 [Akta 657], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelindung 2007**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 22 November 2007.

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA PENYIASAT

Pihak berkuasa penyiasat

2. (1) Menteri melantik dan memberi kuasa kepada pegawai Seksyen Amalan Perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai pihak berkuasa penyiasat untuk melaksanakan fungsi dan kuasa Kerajaan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Menteri boleh melantik dan memberi kuasa kepada mana-mana pegawai lain sebagai pihak berkuasa penyiasat.

BAHAGIAN III

PETISYEN

Petisyen oleh atau bagi pihak industri dalam negeri

3. (1) Suatu petisyen yang meminta supaya suatu penyiasatan perlindungan dimulakan di bawah perenggan 10(a) Akta hendaklah mengandungi maklumat berikut:

(a) nama dan alamat—

- (i) industri dalam negeri yang bagi pihaknya petisyen itu dikemukakan, termasuk nama dan alamat pengeluar keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung dalam industri dalam negeri yang lain; atau

-
- (ii) orang atau kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang mengemukakan petisyen itu bagi pihak industri dalam negeri;
- (b) suatu perihalan terperinci mengenai keluaran yang disiasat yang mentakrifkan skop penyiasatan yang diminta, termasuk ciri-ciri fizikal, teknikal dan kimianya, teknologi dan proses pengilangan yang terlibat, spesifikasi industri yang berkenaan, struktur harga, saluran pengagihan, fungsi dan kegunaannya, dan pengelasan tarif Malaysianya yang semasa;
- (c) suatu perihalan terperinci mengenai keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung, termasuk ciri-ciri fizikal, teknikal dan kimianya, teknologi dan proses pengilangan yang terlibat, spesifikasi industri yang berkenaan, struktur harga, saluran pengagihan, dan fungsi dan kegunaannya;
- (d) maklumat mengenai trend jumlah import keluaran yang disiasat;
- (e) jumlah dan nilai keluaran yang disiasat yang diimport ke dalam Malaysia dalam tempoh tiga tahun yang paling kebelakangan dan dalam apa-apa tempoh kebelakangan lain yang pempetisyen percaya lebih menggambarkan keadaan atau jika keluaran yang disiasat itu tidak diimport ke dalam Malaysia dalam tempoh tiga tahun itu, maklumat tentang kemungkinan keluaran yang disiasat itu dijual bagi tujuan import ke dalam Malaysia;
- (f) nama dan alamat pengimport yang pempetisyen percaya sedang mengimport atau berkemungkinan untuk mengimport;
- (g) apa-apa maklumat fakta dan keterangan dokumentar yang berkenaan dengan peningkatan import dan kemudaran yang serius atau ancaman kemudaran yang serius kepada industri dalam negeri;
- (h) apa-apa maklumat fakta lain yang padanya pempetisyen bergantung;
- (i) hubungan bersebab antara kenaikan import keluaran yang disiasat dengan kemudaran yang serius atau ancaman kemudaran yang serius kepada industri dalam negeri;
- (j) suatu penerangan mengenai perkembangan yang tidak dijangka yang telah mengakibatkan peningkatan import yang menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaran yang serius kepada industri dalam negeri;
- (k) pelan penyesuaian bagi jangka masa penganan langkah perlindungan muktamad yang dicadangkan dan langkah pemulihan yang dicadangkan bagi membolehkan industri dalam negeri mendapatkan kembali daya saingnya; dan
- (l) apa-apa maklumat lain yang boleh diminta oleh Kerajaan.

(2) Berhubung dengan perenggan (1)(e) dan (g), seseorang pempetisyen hendaklah memasukkan maklumat fakta mengenai semua faktor yang berkenaan yang bersifat objektif dan boleh dinyatakan kuantitinya yang mempunyai kaitan dengan keadaan industri dalam negeri itu, terutamanya, kadar dan amaun peningkatan dalam import keluaran yang disiasat itu dalam terma mutlak

dan relatif, bahagian pasaran dalam negeri yang diambil oleh peningkatan import, perubahan dalam tahap jualan, keluaran, untung dan rugi, produktiviti, penggunaan kapasiti dan pekerjaan.

(3) Jika pempetisyen tidak mengadakan maklumat yang ditetapkan dalam subperaturan (1) dan (2), Kerajaan boleh menolak petisyen itu.

(4) Pempetisyen hendaklah mengemukakan kepada Seksyen Amalan Perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bersama-sama dengan petisyen itu, suatu ringkasan tidak sulit petisyen itu yang boleh disiarkan kepada umum.

(5) Kerajaan tidak boleh menimbangkan apa-apa maklumat fakta dalam petisyen itu yang diminta oleh pempetisyen supaya diperakukan sulit melainkan jika pempetisyen itu mematuhi seksyen 19 Akta.

(6) Tertakluk kepada subperaturan (7), seseorang pempetisyen boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemulaan penyiasatan, membuat pindaan kepada petisyen itu.

(7) Kerajaan boleh menolak apa-apa pindaan jika Kerajaan menentukan bahawa pindaan itu akan menghalang atau menggendalakan secara serius penyiasatan itu.

BAHAGIAN IV

TATACARA PENYIASATAN

Skop penyiasatan

4. (1) Apabila diterima suatu petisyen di bawah perenggan 10(a) Akta, Kerajaan hendaklah memeriksa petisyen itu dan menentukan skop penyiasatan.

(2) Jika terdapat lebih daripada satu keluaran yang diperihalkan dalam petisyen, Kerajaan boleh memutuskan supaya penyiasatan itu diasingkan mengikut bilangan atau kategori keluaran yang disiasat.

Had masa bagi penentuan pemulaan penyiasatan

5. (1) Kerajaan hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh petisyen diterima, membuat suatu penentuan sama ada untuk memulakan penyiasatan atau tidak.

(2) Kerajaan boleh melanjutkan tempoh masa yang disebut dalam subperaturan (1), dengan suatu tambahan selama tiga puluh hari sebagaimana yang Kerajaan fikirkan patut.

(3) Jika Kerajaan memutuskan untuk tidak memulakan suatu penyiasatan di bawah subseksyen 14(3) Akta, pempetisyen itu hendaklah dibenarkan untuk mengemukakan suatu petisyen baru tiga bulan dari tarikh pemberitahuan oleh Kerajaan akan keputusannya itu.

Pemulaan penyiasatan

6. Kerajaan hendaklah memulakan suatu penyiasatan jika Kerajaan berpuas hati bahawa—

- (a) keterangan yang mencukupi telah dikemukakan mengenai maklumat yang ditetapkan di bawah peraturan 3; dan
- (b) pempetisyen mewakili sebahagian besar daripada jumlah pengeluaran dalam negeri bagi keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung dengan keluaran yang disiasat.

Notis bagi memulakan penyiasatan

7. Suatu notis mengenai pemulaan suatu penyiasatan di bawah seksyen 17 Akta hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) suatu perihalan lengkap mengenai keluaran yang disiasat, termasuk pengelasan tarifnya;
- (b) suatu perihalan lengkap mengenai keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung;
- (c) nama pempetisyen;
- (d) suatu ringkasan mengenai peningkatan dalam import keluaran yang disiasat;
- (e) suatu ringkasan mengenai faktor yang padanya pengataan kemudahan yang serius atau ancaman kemudahan yang serius itu didasarkan;
- (f) alamat di mana maklumat yang diminta dan ulasan boleh dikemukakan;
- (g) tarikh pemulaan penyiasatan itu; dan
- (h) had masa bagi pihak berkepentingan untuk mengemukakan pandangan mereka.

Pengumpulan maklumat dan soal selidik

8. (1) Kerajaan boleh mengagihkan soal selidik kepada mana-mana pihak berkepentingan dalam suatu tempoh yang munasabah dari tarikh pemulaan penyiasatan bagi maksud membuat sesuatu penentuan di bawah Akta.

(2) Pihak berkepentingan hendaklah memberi maklum balas dalam masa yang dinyatakan dalam soal selidik itu.

(3) Kerajaan boleh meminta apa-apa penjelasan atau maklumat tambahan yang berhubungan dengan penyiasatan, yang hendaklah dalam bentuk tambahan kepada soal selidik, dan pihak berkepentingan itu hendaklah memberi maklum balas dalam masa yang dinyatakan dalam permintaan itu.

Penentuan awal

9. (1) Kerajaan hendaklah, dalam masa sembilan puluh hari dari tarikh pemulaan penyiasatan, membuat suatu penentuan awal menurut seksyen 20 Akta.

(2) Kerajaan boleh melanjutkan tempoh masa yang disebut dalam subperaturan (1) dengan suatu tambahan selama tiga puluh hari sebagaimana yang Kerajaan fikirkan patut.

(3) Jika Kerajaan berpendapat bahawa dalam hal keadaan kritikal kelewatan dalam mengenakan suatu langkah perlindungan muktamad akan menyebabkan kemudaratan yang sukar dipulihkan, Kerajaan hendaklah membuat suatu penentuan awal menurut seksyen 20 Akta.

Penentuan awal negatif

10. (1) Jika Kerajaan membuat suatu penentuan awal negatif di bawah subseksyen 20(2) Akta, Kerajaan hendaklah meneruskan penyiasatan melainkan jika Kerajaan berpuas hati bahawa walaupun penyiasatan itu diteruskan elemen yang diperlukan bagi pengenaan langkah perlindungan didapati tiada.

(2) Suatu notis penentuan awal negatif di bawah subseksyen 20(2) Akta hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) suatu perihalan lengkap mengenai keluaran yang disiasat, termasuk pengelasan tarifnya;
- (b) suatu perihalan lengkap mengenai keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung;
- (c) sebab bagi penentuan awal negatif itu; dan
- (d) suatu pernyataan yang menunjukkan sama ada penyiasatan akan ditamatkan atau diteruskan hingga fasa terakhir.

Penentuan awal afirmatif

11. (1) Jika Kerajaan membuat suatu penentuan awal afirmatif di bawah subseksyen 20(3) Akta, Kerajaan hendaklah meneruskan penyiasatan itu dan menyiarkan suatu notis mengenai penentuan awal afirmatif.

(2) Suatu notis mengenai penentuan awal afirmatif hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) suatu perihalan lengkap mengenai keluaran yang disiasat, termasuk pengelasan tarifnya;
- (b) suatu perihalan lengkap mengenai keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung;
- (c) sebab perlunya langkah perlindungan sementara itu;
- (d) amaun duti pelindung sementara; dan
- (e) jangka masa langkah perlindungan sementara itu.

Penentuan muktamad

12. Suatu penentuan muktamad di bawah seksyen 23 Akta hendaklah dibuat dalam masa dua ratus hari dari tarikh penganan langkah perlindungan sementara itu.

Penentuan muktamad negatif

13. Jika Kerajaan membuat penentuan muktamad negatif di bawah subseksyen 23(2) Akta, Kerajaan hendaklah menyiarkan suatu notis mengenai penentuan muktamad negatif itu yang hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) suatu perihalan lengkap mengenai keluaran yang disiasat, termasuk pengelasan tarifnya;
- (b) suatu perihalan lengkap mengenai keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung; dan
- (c) sebab bagi penentuan muktamad negatif itu.

Penentuan muktamad afirmatif

14. Jika Kerajaan membuat suatu penentuan muktamad afirmatif di bawah subseksyen 23(3) Akta, Kerajaan hendaklah menyiarkan suatu notis mengenai penentuan muktamad afirmatif yang hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) suatu perihalan lengkap mengenai keluaran yang disiasat, termasuk pengelasan tarifnya;
- (b) suatu perihalan lengkap mengenai keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung;
- (c) faktor yang membawa kepada penentuan kemudaran yang serius atau penentuan ancaman kemudaran yang serius;
- (d) bagaimana peningkatan import telah menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaran yang serius;
- (e) amaun duti pelindung muktamad atau jika suatu sekatan kuantitatif dicadangkan, penguntukan kuota antara negara-negara pembekal, menurut seksyen 28 Akta, dan suatu penerangan dan maklumat yang berkaitan berhubung dengan asas yang baginya penguntukan itu telah dibuat;
- (f) jangka masa langkah perlindungan muktamad itu;
- (g) suatu jadual waktu bagi pelanggaran langkah perlindungan muktamad itu secara berperingkat-peringkat, jika seksyen 35 Akta terpakai; dan
- (h) senarai negara-negara membangun yang dikecualikan daripada langkah perlindungan muktamad itu.

BAHAGIAN V

PENENTUAN KEMUDARATAN YANG SERIUS ATAU ANCAMAN
KEMUDARATAN YANG SERIUS DAN HUBUNGAN BERSEBAB**Penentuan kemudaratatan yang serius atau ancaman kemudaratatan yang serius**

15. (1) Dalam menentukan sama ada import yang meningkat telah menyebabkan kemudaratatan yang serius atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratatan yang serius kepada suatu industri dalam negeri, Kerajaan hendaklah memasukkan faktor-faktor yang berikut dalam penilaiannya:

- (a) kadar dan amaun peningkatan import keluaran yang disiasat dalam terma mutlak dan relatif kepada pengeluaran dalam negeri bagi keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung;
- (b) bahagian pasaran dalam negeri bagi keluaran yang disiasat yang diambil oleh peningkatan import keluaran itu;
- (c) perubahan dalam tahap jualan, keluaran, untung dan rugi, produktiviti, penggunaan kapasiti dan pekerjaan yang berhubungan dengan industri dalam negeri yang dalam risiko kemudaratatan yang serius atau ancaman kemudaratatan yang serius;
- (d) faktor selain peningkatan import bagi keluaran yang disiasat yang pada masa yang sama menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratatan yang serius kepada industri dalam negeri, dan
- (e) apa-apa faktor lain yang Kerajaan sifatkan berkaitan.

(2) Faktor yang disebut dalam subperaturan 15(1) tidaklah lengkap, juga tidak satu pun atau beberapa daripada faktor itu semestinya muktamad.

Penentuan ancaman kemudaratatan yang serius

16. (1) Dalam menentukan sama ada import yang meningkat mengancam untuk menyebabkan kemudaratatan yang serius kepada suatu industri dalam negeri, Kerajaan hendaklah, selain faktor yang disebut dalam subperaturan 15(1), memasukkan faktor-faktor yang berikut dalam penilaiannya:

- (a) keupayaan eksport sebenar dan berpotensi negara pengeluar atau asal;
- (b) apa-apa peningkatan inventori dalam negeri dan inventori negara pengeksport;
- (c) kemungkinan bahawa eksport keluaran yang disiasat akan memasuki pasaran dalam negeri dalam kuantiti yang semakin meningkat; dan
- (d) apa-apa faktor lain yang Kerajaan sifatkan berkaitan.

(2) Faktor yang disebut dalam subperaturan 18(1) tidaklah lengkap, juga tidak satu pun atau beberapa daripada faktor itu semestinya muktamad.

Hubungan bersebab

17. Penentuan kemudaratatan yang serius atau ancaman kemudaratatan yang serius kepada suatu industri dalam negeri tidak boleh dibuat melainkan jika penyiasatan itu menunjukkan, berasaskan keterangan yang objektif, kewujudan hubungan bersebab antara peningkatan import keluaran yang disiasat dengan kemudaratatan yang serius atau ancaman kemudaratatan yang serius kepada suatu industri dalam negeri.

BAHAGIAN VI**KAJIAN SEMULA****Kajian semula separuh penggal**

18. Bagi maksud subseksyen 36(1) Akta, Kerajaan boleh meminta daripada pihak berkepentingan apa-apa maklumat yang Kerajaan fikirkan perlu.

Jangka masa kajian semula

19. Suatu kajian semula di bawah subseksyen 36(1) atau seksyen 37 Akta hendaklah diselesaikan dalam masa satu ratus lapan puluh hari dari tarikh pemulaan kajian semula itu.

Permintaan pelanjutan oleh atau bagi pihak industri dalam negeri

20. (1) Suatu permintaan bagi pelanjutan suatu langkah perlindungan muktamad hendaklah dikemukakan kepada Seksyen Amalan Perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak lewat daripada lapan bulan sebelum tamatnya langkah itu.

(2) Suatu permintaan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

(a) nama dan alamat—

(i) industri dalam negeri yang bagi pihaknya petisyen dikemukakan, termasuk nama dan alamat pengeluar keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung lain dalam industri dalam negeri; atau

(ii) orang atau kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang mengemukakan petisyen itu bagi pihak industri dalam negeri;

(b) suatu perihalan terperinci mengenai keluaran yang disiasat yang mentakrifkan skop penyiasatan yang diminta, termasuk ciri-ciri fizikal, teknikal dan kimianya, teknologi dan proses pengilangan yang terlibat, spesifikasi industri yang berkenaan, struktur harga, saluran pengagihan, fungsi dan kegunaan, dan pengelasan tarif Malaysiannya yang semasa, jika terdapat apa-apa perubahan pada maklumat yang dikemukakan di bawah perenggan 3(1)(b);

- (c) suatu perihalan terperinci mengenai keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung, termasuk ciri-ciri fizikal, teknikal dan kimianya, teknologi dan proses pengilangan yang terlibat, spesifikasi industri yang berkenaan, struktur harga, saluran pengagihan, dan fungsi dan kegunaannya, jika terdapat apa-apa perubahan pada maklumat yang dikemukakan di bawah perenggan 3(1)(c);
- (d) maklumat mengenai trend jumlah import keluaran yang disiasat;
- (e) jumlah dan nilai keluaran yang disiasat diimport ke Malaysia semasa pengenaan langkah perlindungan muktamad;
- (f) semua maklumat tentang kemungkinan keluaran yang disiasat itu dijual bagi pengimportan ke dalam Malaysia, jika keluaran yang disiasat itu tidak diimport ke dalam Malaysia;
- (g) apa-apa maklumat fakta dan bukti dokumentar yang berkaitan mengenai peningkatan import dan kemudatan yang serius atau ancaman kemudatan yang serius kepada industri dalam negeri;
- (h) nama dan alamat pengimport yang pempetisyen percaya sedang mengimport atau berkemungkinan untuk mengimport, jika terdapat apa-apa perubahan pada maklumat yang dikemukakan dalam perenggan 3(1)(f);
- (i) hubungan bersebab antara import yang meningkat keluaran yang disiasat dengan kemudatan yang serius atau ancaman kemudatan yang serius kepada industri dalam negeri;
- (j) keterangan penyesuaian yang dibuat oleh industri;
- (k) pelan penyesuaian dan langkah pemulihan bagi jangka masa lanjutan langkah perlindungan muktamad yang dicadangkan bagi membenarkan industri dalam negeri mendapatkan kembali daya saingnya;
- (l) apa-apa maklumat fakta lain yang padanya pempetisyen bergantung; dan
- (m) apa-apa maklumat lain yang boleh diminta oleh Kerajaan.

(3) Berhubung dengan perenggan (2)(e) dan (g), seseorang pempetisyen hendaklah memasukkan maklumat fakta mengenai semua faktor yang berkaitan yang bersifat objektif dan boleh dinyatakan kuantitinya yang mempunyai kaitan dengan keadaan industri dalam negeri itu, terutamanya, kadar dan amaun peningkatan dalam import keluaran yang disiasat dalam terma mutlak dan relatif, bahagian pasaran dalam negeri yang diambil oleh peningkatan import, perubahan dalam tahap jualan, keluaran, untung dan rugi, produktiviti, penggunaan kapasiti dan pekerjaan.

(4) Jika pempetisyen tidak mematuhi subperaturan (2) dan (3), Kerajaan boleh menolak permintaan bagi pelanjutan di bawah subperaturan 22(1).

(5) Pempetisyen hendaklah mengemukakan kepada Seksyen Amalan Perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bersama-sama dengan permintaan bagi pelanjutan suatu ringkasan tidak sulit permintaan bagi pelanjutan itu yang boleh disiarkan kepada umum.

(6) Kerajaan tidak boleh menimbangkan apa-apa maklumat fakta dalam permintaan bagi pelanjutan itu yang baginya pempetisyen meminta supaya dianggap sulit melainkan jika pempetisyen itu mematuhi seksyen 19 Akta.

(7) Tertakluk kepada subperaturan (8), seseorang pempetisyen boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemulaan kajian semula, membuat pindaan kepada permintaan bagi pelanjutan itu.

(8) Kerajaan boleh menolak apa-apa pindaan jika Kerajaan menentukan bahawa pindaan itu akan menghalang atau menggendalakan secara serius penyiasatan itu.

BAHAGIAN VII

PENDENGARAN AWAM

Pendengaran awam

21. (1) Mana-mana pihak berkepentingan yang turut serta boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemulaan penyiasatan, memfailkan suatu permohonan bertulis untuk suatu pendengaran awam yang dialamatkan kepada Seksyen Amalan Perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

(2) Kerajaan hendaklah mengadakan pendengaran itu tidak lewat daripada enam puluh hari selepas penerimaan suatu permohonan bertulis di bawah subperaturan (1).

(3) Kerajaan hendaklah memutuskan tarikh dan masa pendengaran itu dalam masa lima belas hari dari tarikh penerimaan permohonan bertulis itu dan hendaklah memberitahu pihak itu akan keputusannya itu.

(4) Walau apa pun subperaturan (1), Kerajaan boleh mengadakan pendengaran itu atas inisiatifnya sendiri.

(5) Jika Kerajaan mengadakan pendengaran itu atas inisiatifnya sendiri, Kerajaan hendaklah memberitahu terlebih dahulu pihak berkepentingan yang turut serta, dan memakai peruntukan yang berkaitan dalam Peraturan-Peraturan ini.

(6) Permohonan bertulis yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

(a) nama, alamat dan maklumat yang berkaitan dengan pihak berkepentingan yang turut serta; dan

(b) sebab bagi permintaan pendengaran itu.

(7) Pihak berkepentingan yang turut serta hendaklah hadir atau diwakili pada tarikh yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan menurut subperaturan (3) atau (5), mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah mengemukakan suatu ringkasan pembentangan bertulis dan keterangan yang berkaitan pada pendengaran itu.

- (8) Pendengaran itu hendaklah dipengerusikan oleh Kerajaan.
- (9) Kerajaan hendaklah menyenggara suatu rekod pendengaran itu.
- (10) Pendengaran itu boleh ditangguhkan atau dibatalkan di bawah mana-mana satu daripada hal keadaan yang berikut:
- (a) jika pihak berkepentingan yang turut serta meminta pendengaran itu ditangguhkan atau dibatalkan;
 - (b) jika penyiasatan bagi suatu langkah perlindungan itu ditamatkan; atau
 - (c) apa-apa sebab lain yang Kerajaan fikirkan patut.
- (11) Kerajaan hendaklah memberikan suatu pemberitahuan mengenai penangguhan atau pembatalan pendengaran itu kepada pihak berkepentingan yang turut serta.
- (12) Sama ada bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris hendaklah digunakan semasa pendengaran itu.
- (13) Jika pendengaran itu melibatkan maklumat sulit, Kerajaan boleh mengadakan pendengaran itu dalam apa-apa cara bagi memastikan kerahsiaan maklumat yang didedahkan pada pendengaran itu.

BAHAGIAN VIII

AM

Pengemukakan maklumat bertulis

22. (1) Mana-mana pihak berkepentingan boleh mengemukakan secara bertulis apa-apa maklumat berkaitan kepada sesuatu penyiasatan atau kajian semula dalam masa yang munasabah bagi pertimbangan Kerajaan.
- (2) Pihak berkepentingan itu hendaklah mengadakan kepada Kerajaan lima salinan versi sulit pengemukakan maklumat itu dan tiga salinan versi tidak sulit maklumat itu.
- (3) Apa-apa dokumen yang dikemukakan dalam bahasa asing hendaklah disertakan dengan terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.
- (4) Kerajaan boleh menghendaki pengemukakan maklumat fakta dalam apa-apa medium penyimpanan data yang sesuai dengan sistem komputer yang digunakan oleh Kerajaan sebagaimana yang diberitahu oleh Kerajaan melainkan jika Kerajaan berpuas hati bahawa pihak yang mengemukakan maklumat itu tidak menyenggarakan rekod dalam bentuk berkomputer atau tidak dapat memberi maklumat yang diminta dalam format komputer tanpa menanggung beban tambahan yang tidak munasabah dari segi masa dan perbelanjaan.

(5) Jika suatu pihak berkepentingan mengemukakan kepada Seksyen Amalan Perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri suatu ringkasan tidak sulit apa-apa maklumat, Seksyen Amalan Perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri boleh menyiarkan maklumat itu kepada umum.

(6) Kerajaan tidak boleh menimbang apa-apa maklumat yang diminta oleh pihak berkepentingan supaya dianggap sulit melainkan jika pihak itu mematuhi seksyen 19 Akta.

Penentusahan maklumat

23. (1) Jika Kerajaan memutuskan untuk menentusahkan ketepatan apa-apa maklumat yang dikemukakan semasa sesuatu penyiasatan atau kajian semula, Kerajaan hendaklah—

- (a) memaklumkan pihak berkepentingan yang berkenaan akan hasratnya untuk menjalankan suatu lawatan penentusahan;
- (b) mendapatkan suatu persetujuan bertulis pihak berkepentingan yang berkenaan bagi lawatan penentusahan itu; dan
- (c) menasihati pihak berkepentingan yang turut serta yang berkenaan mengenai jenis maklumat yang akan ditentusahkan semasa lawatan penentusahan itu dan apa-apa maklumat lanjut yang pihak berkepentingan yang turut serta yang berkenaan mungkin perlu diadakan semasa lawatan itu tetapi ini tidaklah menghalang permintaan dibuat semasa lawatan penentusahan itu untuk butir-butir lanjut diberikan berhubung dengan maklumat yang diperoleh.

(2) Kerajaan boleh meminta akses kepada semua fail, rekod dan kakitangan yang Kerajaan berpendapat berkaitan dengan penyiasatan atau kajian semula itu.

(3) Jika Kerajaan memutuskan bahawa adalah tidak praktik untuk menentusahkan maklumat fakta yang berkaitan bagi setiap pihak disebabkan oleh banyaknya bilangan pihak berkepentingan yang turut serta, atau apa-apa sebab lain, Kerajaan boleh memilih dan menentusahkan sampel yang meliputi suatu bahagian besar pengeluaran keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung atau pengimportan keluaran yang disiasat.

(4) Jika Kerajaan memutuskan untuk tidak menjalankan suatu lawatan penentusahan, Kerajaan boleh meminta pihak berkepentingan untuk mengemukakan salinan dokumen asal yang padanya maklumat itu diasaskan atau pernyataan daripada juru audit bebas mengenai ketepatan dan lengkapnya maklumat fakta yang dikemukakan atau boleh menggunakan apa-apa cara lain yang Kerajaan fikirkan munasabah.

Dibuat 6 November 2007

[MITI/ID/(S)/AP/SG Jld.2; PN(PU²)647]

DATO' SERI RAFIDAH AZIZ
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

SAFEGUARDS ACT 2006

SAFEGUARDS REGULATIONS 2007

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement

PART II

INVESTIGATING AUTHORITY

2. Investigating authority

PART III

PETITION

3. Petition by or on behalf of domestic industry

PART IV

INVESTIGATION PROCEDURE

4. Scope of investigation
5. Time limit for determination of initiation of investigation
6. Initiation of investigation
7. Notice of initiation of investigation
8. Gathering of information and questionnaires
9. Preliminary determination
10. Negative preliminary determination
11. Affirmative preliminary determination
12. Final determination
13. Negative final determination
14. Affirmative final determination

PART V

SERIOUS INJURY OR THREAT OF SERIOUS INJURY
DETERMINATIONS AND CAUSAL LINK

Regulation

15. Determination of serious injury or threat of serious injury
16. Determination of threat of serious injury
17. Causal link

PART VI

REVIEWS

18. Mid-term review
19. Duration of review
20. Request for extension by or on behalf of domestic industry

PART VII

PUBLIC HEARING

21. Public Hearing

PART VIII

GENERAL

22. Submission of written information
23. Verification of information

SAFEGUARDS ACT 2006

SAFEGUARDS REGULATIONS 2007

IN exercise of the powers conferred by section 41 of the Safeguards Act 2006 [Act 657], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Safeguards Regulations 2007**.
- (2) These Regulations come into operation on 22 November 2007.

PART II

INVESTIGATING AUTHORITY

Investigating authority

2. (1) The Minister appoints and authorises the officers of the Trade Practices Section of the Ministry of International Trade and Industry as the investigating authority to perform the functions and powers of the Government under the Act and these Regulations.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Minister may appoint and authorise any other officer to be the investigating authority.

PART III

PETITION

Petition by or on behalf of domestic industry

3. (1) A petition requesting that a safeguard investigation be initiated under paragraph 10(a) of the Act shall contain the following information:

(a) name and address of—

- (i) the domestic industry on behalf of which the petition is submitted, including the names and addresses of other producers of the like products or directly competitive products in the domestic industry; or
- (ii) the person or body of persons, whether corporate or unincorporate, who submitted the petition on behalf of the domestic industry;

-
- (b) a detailed description of the product under investigation that defines the requested scope of the investigation, including its physical, technical and chemical characteristics, the technology and manufacturing process involved, relevant industry specifications, pricing structures, distribution channels, its functions and uses, and its current Malaysian tariff classification;
 - (c) a detailed description of the like products or directly competitive products, including its physical, technical and chemical characteristics, the technology and manufacturing process involved, relevant industry specifications, pricing structures, distribution channels, and its functions and uses;
 - (d) the information on the trend of the import volume of the product under investigation;
 - (e) the volume and value of the product under investigation imported into Malaysia during the most recent three year period and during any other recent period that the petitioner believes to be more representative or if the product under investigation is not imported into Malaysia during the three year period, the information as to the likelihood of the sale for importation into Malaysia of the product under investigation;
 - (f) the names and addresses of importers who the petitioner believes are importing or are likely to import;
 - (g) any factual information and documentary evidence relevant to the increased imports and serious injury or threat of serious injury to the domestic industry;
 - (h) any other factual information which the petitioner relies upon;
 - (i) the causal link between the increased imports of the product under investigation and the serious injury or threat of serious injury to the domestic industry;
 - (j) an explanation on unforeseen developments that have resulted in increased imports causing or threatening to cause serious injury to domestic industry;
 - (k) the adjustment plan for the duration of the proposed imposition of definitive safeguard measure and the proposed relief measures allowing domestic industry to recover its competitiveness; and
 - (l) any other information which the Government may request.

(2) In relation to paragraphs (1)(e) and (g), a petitioner shall include factual information on all relevant factors of an objective and quantifiable nature having a bearing on the situation of that domestic industry, in particular, the rate and amount of the increase in imports of the product under investigation in absolute and relative terms, share of domestic market taken by increased imports, changes in the level of sales, production, profits and losses, productivity, capacity utilisation and employment.

(3) If the petitioner fails to provide the information prescribed in subregulations (1) and (2), the Government may dismiss the petition.

(4) The petitioner shall submit to the Trade Practices Section of the Ministry of International Trade and Industry with the petition a non-confidential summary of such petition which can be released to public.

(5) The Government shall not consider any factual information in the petition for which the petitioner requests confidential treatment unless the petitioner complies with section 19 of the Act.

(6) Subject to subregulation (7), a petitioner may, within thirty days of initiation of the investigation, make amendments to the petition.

(7) The Government may refuse any amendment where the Government determines that the amendment would seriously impede or disrupt the investigation.

PART IV

INVESTIGATION PROCEDURE

Scope of investigation

4. (1) Upon receipt of a petition under paragraph 10(a) of the Act, the Government shall examine the petition and determine the scope of the investigation.

(2) Where there is more than one product described in the petition, the Government may decide to segregate the investigation according to the number or categories of product under investigation.

Time limit for determination of initiation of investigation

5. (1) The Government shall, within thirty days from the date of receipt of the petition, make a determination on whether or not to initiate the investigation.

(2) The Government may extend the time period referred to in subregulation (1), by an additional thirty days as the Government thinks fit.

(3) Where the Government decides not to initiate an investigation under subsection 14(3) of the Act, the petitioner shall be allowed to submit a new petition three months from the date of the notification by the Government of its decision.

Initiation of investigation

6. The Government shall initiate an investigation where the Government is satisfied that—

(a) sufficient evidence has been presented with regard to the information prescribed under regulation 3; and

- (b) the petitioner represents a major proportion of the total domestic production of the like products or products directly competitive with the product under investigation.

Notice of initiation of investigation

7. A notice of initiation of an investigation under section 17 of the Act shall contain the following information:

- (a) a complete description of the product under investigation, including its tariff classification;
- (b) a complete description of the like products or directly competitive product;
- (c) the name of the petitioner;
- (d) a summary of the increase in imports of the product under investigation;
- (e) a summary of the factor on which the allegations of serious injury or threat of serious injury is based;
- (f) the address where information requested for and comments may be submitted;
- (g) the date of initiation of the investigation; and
- (h) the time limit for interested parties to make their views known.

Gathering of information and questionnaires

8. (1) The Government may distribute questionnaires to any interested parties within a reasonable period from the date of initiation of investigation for the purposes of making a determination under the Act.

(2) The interested parties shall respond within the time specified in the questionnaires.

(3) The Government may request for any clarification or additional information relating to the investigation, which shall be in the form of a supplement to the questionnaires, and the interested parties shall respond within the time specified in the request.

Preliminary determination

9. (1) The Government shall, within ninety days from the date of initiation of investigation, make a preliminary determination pursuant to section 20 of the Act.

(2) The Government may extend the time period referred to in subregulation (1) by an additional thirty days as the Government thinks fit.

(3) Where the Government considers that in view of the critical circumstances delay in applying a definitive safeguard measure would cause damage which is difficult to repair, the Government shall make a preliminary determination pursuant to section 20 of the Act.

Negative preliminary determination

